

Kertas Bil. 13/2015



**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS
MENGENAI PENGURUSAN SUMBER AIR MENTAH
SELANGOR (SELECT COMMITTEE ON RAW WATER
RESOURCE MANAGEMENT OF THE STATE OF
SELANGOR- JPK-SAM) BAGI DEWAN NEGERI
SELANGOR BERHUBUNG GANGGUAN BEKALAN AIR
TIDAK BERJADUAL DI WILAYAH PETALING, HULU
LANGAT, KUALA LANGAT DAN SEPANG DISEBABKAN
PENCEMARAN DI SUNGAI SEMENYIH**

Penyata oleh Jawatankuasa Pilihan Khas Pengurusan Sumber Air Mentah (JPK-SAM), Dewan Negeri Selangor berhubung "Gangguan Bekalan Air Tidak Berjadual Di Wilayah Petaling, Hulu Langat, Kuala Langat Dan Sepang Disebabkan Pencemaran Di Sungai Semenyih")

1. PENDAHULUAN

- 1.1. JPK-SAM telah mengadakan pendengaran tertutup pada 11hb Februari 2015 dan 25hb Februari 2015 "Gangguan Bekalan Air Tidak Berjadual Di Wilayah Petaling, Hulu Langat, Kuala Langat Dan Sepang Disebabkan Pencemaran Di Sungai Semenyih"
- 1.2. Ahli Jawatankuasa bersetuju untuk meneliti isu ini kerana lebih 450,000 pengguna daripada kawasan Petaling, Kuala Langat, Hulu Langat, dan Sepang terlibat terutamanya ketika perayaan Tahun Baru Cina.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1. Sebagai Jawatankuasa yang bertanggungjawab untuk menyiasat sebarang masalah yang berkaitan dengan pengurusan sumber air mentah yang berlaku di dalam negeri Selangor, adalah penting untuk ahli-ahli JPK-SAM untuk menyiasat sebarang gangguan bekalan air kepada pengguna.
- 2.2. Pada 15hb Januari 2015, Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd (SYABAS) telah mengumumkan melalui kenyataan akhbar bahawa gangguan bekalan air tidak berjadual akan dialami oleh sebahagian pengguna di Wilayah Petaling, Hulu Langat, Kuala Langat dan Sepang ekoran pengurangan pengeluaran air terawat oleh Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Semenyih yang dikendalikan oleh Syarikat Konsortium ABASS Sdn Bhd (ABASS).
- 2.3. Syarikat operator loji tersebut mengatakan bahawa ianya terpaksa mengurangkan pengeluaran air terawat apabila kandungan ammonia dan mangan di dalam air Sungai Semenyih berada di paras yang melebihi paras yang dibenarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).
- 2.4. Ekoran dari pengurangan pengeluaran air terawat dari LRA Semenyih ini, sejumlah 39 kawasan di Wilayah Petaling (135,000 pintu rumah), 216 kawasan di Wilayah Hulu Langat (146,954 pintu rumah), 62 kawasan di Wilayah Kuala Langat (28,160 pintu rumah) dan 61 kawasan di Wilayah Sepang (148,236 pintu rumah) dijangka berhadapan dengan terputus bekalan air dan tekanan rendah.

3. AHLI JAWATANKUASA

- 3.1. Y.B. Puan Yeo Bee Yin
ADN Damansara Utama
- 3.2. Y.B. Tuan Mohd Shafie bin Ngah
ADN Bangi
- 3.3. Y.B. Tuan Dr Xavier Jayakumar a/l Arulanandam
ADN Seri Andalas
- 3.4. Y.B. Tuan Rajiv a/l Rishyakaran
ADN Bukit Gasing
- 3.5. Y.B. Tuan Idris bin Ahmad
ADN Ijok
- 3.6. Y.B. Tuan Sulaiman bin Abdul Razak
ADN Permatang
- 3.7. Y.B. Tuan Jakiran bin Jacomah
ADN Bukit Melawati

4. SAKSI-SAKSI

- 4.1. Senarai nama saksi-saksi yang hadir pada 11hb Februari 2015 dan 25hb Februari 2015 adalah sepertimana dalam Lampiran I.

5. PUNCA PENCEMARAN

5.1. Penerangan ABASS

- 5.1.1. Menurut syarikat konsesi loji rawatan air ABASS, pada 15hb Februari 2015 mereka mengesan pH rendah dan peningkatan Mangan serta paras Ammonia yang tinggi. Pada masa tersebut, mereka masih mencari punca pH rendah. LUAS dan JAS mengesahkan bahawa mereka mengenalpasti premis Genesis Aluminium Sdn Bhd adalah antara punca pH rendah tersebut.
- 5.1.2. Masa pengurangan pengeluaran air terawat loji rawatan air (LRA) berlangsung selama 19.25 jam daripada 8 pagi pada 15/2/2015 sehingga 3.15 pagi pada 16/2/15.

5.1.3. Pihak ABASS menganggarkan bahawa pengurangan jumlah air yang dirawat adalah 117.9 JLH, iaitu pengeluaran -17.5% daripada pengeluaran semasa.

5.2. Jadual kronologi kejadian gangguan air:

Tarikh & Masa	Butiran
2 Feb 2015 3.00 petang	Pihak Loji telah mengesan kenaikan paras Mangan dan penurunan pH sekali sekala di Muka Sauk.
4.00 petang	Pasukan Pemantau Sungai (PPS) ABASS telah mula mencari punca pencemaran sepanjang Sg Semenyih namun gagal mengesan punca.
13 Feb 2015 3.00 pagi	PPS ABASS meneruskan usaha mencari punca pencemaran sepanjang Sg Semenyih dan masih gagal.
14 Feb 2015 6.30 petang	PPS ABASS meneruskan usaha mencari punca pencemaran sepanjang Sg Semenyih
15 Feb 2015 12.35 malam	PPS ABASS dan LUAS telah berjaya mengesan sungai yang tercemar Sg Purun • pH: 2.8 • Ammonia: 5.2 ppm • Mangan: 0.2 ppm
4.00 pagi	PPS ABASS & LUAS gagal mengesan lokasi punca pencemaran Sg Purun
15 Feb 2015 8.00 pagi	Air Mentah • pH: 5.7 • Mangan: 0.5 ppm • Ammonia: 0.9 ppm Kadar pengepaman dikurangkan daripada 682 JLH kepada 545 JLH Makluman kepada SYABAS, SPAN & LUAS PPS ABASS meneruskan carian punca sebenar pencemaran
12.20 t/hari	PPS ABASS bersama pihak LUAS berjaya menemui lokasi pencemaran iaitu efluen dari Kilang Genesis Aluminium Industries Sdn Bhd (Genesis). Efluen Genesis

Tarikh & Masa	Butiran
	• pH: 2.1 • Ammonia: 13.9 ppm
1.00 petang	Pihak JAS telah menguji kandungan pH dalam efluen yang dilepaskan dari kilang tersebut mendapati kandungan pH adalah seperti berikut : • 'Final discharge' (dalam kilang) - pH : 6 • Aliran efluen dari paip (dibawah laluan jalan masuk) - pH : 3
2.00 petang	Air Mentah • pH: 6.1 • Mangan: 1.2 ppm • Ammonia: 0.8 ppm
4.00 petang	Air Bersih • Mangan: 0.2 ppm Kadar pengepaman air dikurangkan daripada 545 JLH kepada 409 JLH
16 Feb 2015 2.15 pagi	Air Mentah • pH: 6.3 • Ammonia: 0.8 ppm • Mangan: 0.2 ppm Kadar pengepaman air mentah ditingkatkan daripada 409 JLH kepada 682 JLH
3.15 pagi	Air Bersih • pH: 7.4 • Mn: 0.1ppm • Klorin: 2.1ppm Kadar pengepaman air bersih ditingkatkan kepada 682 JLH ERP ditamatkan – operasi loji kembali normal
7.00 pagi	Pengeluaran 554.63 JL, pengurangan sebanyak 17.5%

5.3. Operasi loji telah beroperasi secara optima (kapasiti penuh) pada 18 Februari 2015. Loji Pembersihan Air Sg Semenyih mempunyai kapasiti pengeluaran rekabentuk sebanyak 545mld. Bagaimanapun LRA tersebut kini (Februari 2015) sedang beroperasi pada kadar 673mld iaitu 23% melebihi kapasiti rekabentuk.

6. SIASATAN PUNCA PENCEMARAN AMMONIA DAN MANGAN

6.1. Hasil Siasatan dan Tindakan Jabatan Alam Sekitar Selangor (JAS)

- 6.1.1. JAS telah mengenalpasti punca yang melepaskan efluen berasid iaitu premis Genesis Aluminium Industries Sdn. Bhd. yang terletak di Kawasan Perindustrian Sungai Purun, Semenyih pada 15hb Februari 2015. Arahan telah dikeluarkan kepada kilang tersebut supaya menghentikan aliran berasid.
- 6.1.2. Pada 16 Februari 2015, siasatan susulan diteruskan dan bacaan in-situ effluen yang dilepaskan dari premis kilang menunjukkan effluen adalah berasid. Beberapa kelengkapan operasi kilang telah disita di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.
- 6.1.3. Pemantauan parameter pH, Ammonia dan Mangan turut dijalankan di beberapa lokasi di sepanjang Sungai Semenyih termasuk di muka sauk LRA Sungai Semenyih sebelum Genesis Aluminium Industries Sdn. Bhd. disita. Hasil pemantauan mendapati paras pH air sungai (ambien) adalah normal di antara pH 5.5 – 6.0, manakala paras Ammonia sungai (ambien) adalah di bawah 1.0 ppm iaitu mematuhi garis panduan kualiti air mentah untuk rawatan air minum yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.
- 6.1.4. Siasatan susulan berhubung pematuhan kilang Genesis Aluminium Industries Sdn. Bhd. pada 17 Februari 2015 mendapati kilang ini tidak lagi melepaskan efluen berasid ke longkang awam. Pemantauan pada 18 Februari 2015 juga mendapati pelepasan dari kilang tersebut adalah tidak berasid.
- 6.1.5. Bagi parameter Mangan, pihak JAS Selangor telah mengambil sampel untuk dianalisa di mana keputusan analisa belum diperolehi dari Jabatan Kimia Malaysia.
- 6.1.6. Jarak di antara kilang Genesis Aluminium Industries S/B dan muka sauk adalah 13 km. Punca pencemaran Ammonia boleh disebabkan punca-punca lain termasuk punca-punca yang tidak tertakluk di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 seperti punca “non-point”.
- 6.1.7. Berdasarkan aduan yang diterima dan pemeriksaan oleh JAS, salah satu punca utama pencemaran di Lembangan Sungai Langat adalah aktiviti pembuangan sampah di mana kawasan lembangan sungai tersebut tiada mempunyai tapak pelupusan sampah sanitari dan banyak berlaku pelupusan sampah haram terutamanya di tebing-tebing sungai.

6.1.8. Pencemaran leachate (larut lesap) akan terhasil dan memasuki sungai dan akan meningkatkan paras Ammonia. Oleh yang demikian adalah disyorkan supaya PBT membuat pemantauan ke atas kontraktor pelupusan sampah dan menyediakan tapak pelupusan sanitari yang sempurna di lokasi yang sesuai.

6.2. Penguatkuasaan Undang-undang:

6.2.1. Menurut JAS, sekiranya seseorang atau satu syarikat didapati bersalah di bawah kesalahan tiada kawalan melepaskan asid sulfurik, premis akan disita dan kes akan di bawah di mahkamah. Hukuman adalah maksimum RM 100,000.00 atau 5 tahun penjara atau kedua-duanya.

7. LANGKAH MENANGANI DAN MITIGASI IMPAK PENCEMARAN

7.1. Pencairan bahan pencemar Mangan dan Ammonia:

7.1.1. Menurut ABBAS, Mangan adalah sebab utama operasi pemprosesan air pada 14hb Februari 2015 dikurangkan. Walaupun terdapat fasiliti klorin untuk merawat kandungan Mangan dalam air tetapi tidak dapat mengoksidakan Mangan untuk bertindakbalas dengan ammonia dalam air mentah.

7.1.2. Sebarang kesan pencemaran hanya dapat dikenalpasti dari muka sauk loji rawatan air. Setelah siasatan dibuat, pencemaran dikesan 4 jam daripada pengaliran air sungai 'upstream', jauh daripada muka sauk. Pihak ABBAS telah cuba untuk mencairkan paras bahan pencemar dengan melepaskan jumlah air sebanyak 90mld tetapi masih gagal untuk mencairkan air di muka sauk.

7.1.3. Garis Panduan (Standard Operating Procedure) untuk memberhentikan operasi mempunyai piawaian berbeza untuk setiap loji dan terletak di bawah operator.

7.1.4. JAS berkata parameter Ammonia adalah normal. Keputusan Mangan tidak boleh dianalisa di tapak oleh pihak mereka. Bagaimanapun ABBAS mempunyai peralatan yang boleh bergerak (portable equipment) untuk mengesan paras Mangan.

7.1.5. Ujian bahan pencemar atau kimia dalam air sungai LUAS mempunyai 27 parameter.

7.2. Stok simpanan air mentah dan terawat:

- 7.2.1. Menurut SYABAS, margin air terawat adalah sangat rendah dan ini menyebabkan sebarang pengurangan air mentah memberikan kesan yang besar kepada pengagihan air. Air terawat biasanya akan habis diagihkan kepada pengguna dan tiada simpanan.
- 7.2.2. Air mentah juga tiada stok simpanan. ABBAS juga tidak mempunyai sebarang rezab air mentah, ketiga-tiga kolam berhampiran LRA tersebut hanya mampu mengeluarkan 90mld secara keseluruhan.
- 7.2.3. Pengeluaran air terawat di Loji Semenyih melebihi 23% kapasiti rekaan asal.
- 7.2.4. Menurut SYABAS – 458,830 penduduk bergantung kepada bekalan air mentah daripada LRA Semenyih dalam 4 wilayah air; Petaling, Hulu Langat, Kuala Langat, dan Sepang.

8. PENEMUAN JAWATANKUASA

- 8.1. Jawatankuasa mendapati bahawa JAS tidak mempunyai alatan yang diperlukan untuk mengukur kandungan Mangan dalam air mentah. Mereka terpaksa menghantar sampel kepada Jabatan Kimia Malaysia dan menunggu sehingga apabila pendengaran dibuat pun tiada keputusan dapat diberikan.
- 8.2. Dalam pengurusan krisis ini, tindakan SYABAS menyebabkan pengguna sejumlah 458,350 akaun terjejas akibat daripada pengurangan jumlah bekalan air sebanyak 117.9 JLH. Walaupun kadar pengurangan pengeluaran air adalah hanya 17.5% selama 19.25 jam, bekalan air hanya boleh pulih selepas 3 hari.
- 8.3. Jawatankuasa mendapati bahawa walaupun pencemaran iaitu effluen berasid dikesan bermula daripada premis Genesis Aluminium Industries Sdn. Bhd. Ia bukanlah satu-satunya punca pencemaran Sungai Semenyih. Kilang itu sudah disita, peralatan dirampas dan sedang dalam penyelesaian siasatan dan proses untuk dibawa ke Mahkamah oleh JAS.
- 8.4. Jawatankuasa mendapati bahawa cubaan untuk mencairkan kandungan Mangan dan Ammonia dalam Sungai Semenyih dengan melepaskan 90mld air mentah dari kolam-kolam berhampiran tidak berkesan. Ini menyebabkan LRA Semenyih terpaksa dikurangkan operasi kerana LRA tersebut tidak dapat memproses air mentah menjadi air terawat yang selamat.

9. SARANAN JAWATANKUASA

- 9.1. Jawatankuasa mencadangkan supaya Kerajaan Negeri menggesa JAS mendakwa Genesis Aluminium Industries Sdn. Bhd. di mahkamah. Kerajaan Negeri Selangor harus tegas terhadap mereka yang mencemarkan sumber air Selangor.
- 9.2. Jawatankuasa mencadangkan supaya projek-projek stesen tolok pengukur (gauges) LUAS dipercepatkan supaya pencemaran dapat dikesan lebih awal dan langkah-langkah mitigasi boleh diambil dengan lebih cepat.
- 9.3. Jawatankuasa mencadangkan supaya Kerajaan Negeri menggalakkan LRA-LRA supaya dilengkapi dengan kolam-kolam yang mempunyai kapasiti simpanan air mentah yang lebih besar supaya boleh digunakan untuk mencairkan bahan pencemar. Ini adalah kerana air empangan tidak dapat membantu kerana ianya terlalu jauh, misalnya Empangan Semenyih adalah 14 km daripada LRA Semenyih dan air mengambil masa selama 8 jam untuk mengalir dari empangan ke LRA. Kaedah ini boleh digunapakai di kesemua LRA di Lembangan Sungai Langat yang mengalami masalah pencemaran yang sama.
- 9.4. Jawatankuasa mencadangkan supaya undang-undang yang lebih ketat dan keras dikenakan terhadap mereka yang melepaskan kumbahan dan bahan pencemar ke dalam sungai tidak kira dengan sengaja atau tidak sengaja.
- 9.5. Jawatankuasa mencadangkan supaya unit pengesanan pesalah-pesalah dan penguatkuasaan terhadap mereka dilakukan dengan lebih efektif.

Penyata ini telah disediakan oleh Y.B. Puan Yeo Bee Yin, Pengerusi Jawatankuasa JPK-SAM, telah dibincangkan dan diluluskan oleh Jawatankuasa JPK-SAM di mesyuarat Jawatankuasa pada 3hb Mac 2015.

Disahkan oleh :



Y.B. Puan Yeo Bee Yin

Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Pengurusan Sumber Air Mentah Negeri Selangor.

URUS SETIA:

- | | |
|--|--------------------------------|
| 1. Pn Elya Marini binti Darmin | Setiausaha Bahagian Dewan/MMKN |
| 2. En Mohd Khairul Ashraff bin Radzali | Ketua Penolong Setiausaha |
| 3. Encik Jurasmaidi bin Pauzi | Penolong Setiausaha |
| 4. Cik Azira binti Aziz | Penyelidik Kanan |
| 5. Puan Noor Hafiza binti Ishak | Penolong Pegawai Tadbir |

LAMPIRAN I : SENARAI NAMA SAKSI-SAKSI

Bil. 4/2015

Tarikh : 11 Februari 2015 (Rabu)
Masa : 2.30 petang
Tempat : Bilik Mesyuarat MTES
Tingkat Bawah, Bangunan SSAAS

Jabatan yang dijemput:

Pejabat YB EXCO

1. Y.B. Tuan Zaidy bin Abdul Talib
(Pengerusi Jawatankuasa Tetap Infrastruktur & kemudahan Awam, Permodenan Pertanian Dan Industri Asas Tani)
2. Encik Mohd Adram bin Musa
(Pegawai Penasihat Dasar)

Seksyen Makro DanPenswastaan, Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN)

1. Encik Mohd Muktafi bin Sarpan
(Penolong Pengarah)
2. Puan Wan Nur Aisyah binti Wan Din
(Penolong Pengarah)

Jawatankuasa Pemantauan Air Selangor

1. Encik Khairy bin Yeob
2. Encik Mansor bin Abd Ghani
3. Encik Mohmed Asari bin Daud
4. Encik Mohamad Sarbani bin Che Noh
5. Encik Mohamad Yazid bin Selamat

Lembaga Urus Air Selangor (LUAS)

1. Tuan Haji Md Khairi bin Selamat
(Pengarah)

Indah Water Konsortium Sdn. Bhd

1. Encik Zakariah bin Mohd Yassin
(Senior Manager)
2. Encik Manirajah
(Trek Manager)

LAMPIRAN IA : SENARAI NAMA SAKSI-SAKSI

Bil. 5/2015

Tarikh : 25 Februari 2015 (Rabu)
 Masa : 2.30 petang
 Tempat : Bilik Mesyuarat MTES
 Tingkat Bawah, Bangunan SSAAS

Jabatan yang dijemput:

Seksyen Makro Dan Penswastaaan, Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN)

1. Encik Nor Azmie bin Diron
(Timbalan Pengarah)
2. Puan Wan Nur Aisyah binti Wan Din
(Penolong Pengarah)

Jawatankuasa Pemantauan Air Selangor

1. Encik Khairy bin Yeob
2. Puan Rohaiza binti Saidin

Lembaga Urus Air Selangor (LUAS)

1. Tuan Haji Md Khairi bin Selamat
(Pengarah)
2. Encik Ishak bin Kamaruzaman
(Pegawai Penerangan)
3. Puan Nor Fazilah binti Shaharudin
(Pegawai Undang-undang)
4. Encik Mohd Nazifi bin Nawawi
(Pegawai Kawalan Alam Sekitar)

Jabatan Alam Sekitar Selangor

1. Puan Siti Zaleha binti Ibrahim
(Pengarah)
2. Puan Rosni binti Ismail
(Ketua Penolong Pengarah)

3. Puan Mai Zainatun Nufus Bt Mohd Jaffar
(Ketua Cawangan Kajang)

Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd (SYABAS)

1. Encik Mohd Yunus bin Othman
2. Encik Tengku Mohd Safari bin Tengku Ahmad

Konsortium ABBAS Sdn Bhd

1. Encik Basar bin Ishak
2. Encik Ahmad Rosli
3. Encik Fitrinnas bin M. Nazri
4. Encik Abas bin Abdullah
5. Puan Humairah Yeoh Yee Voon

